



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Ruj. Kami: JPNPP.600-2/1/41 Jld. 16 (38)

Tarikh: 24 April 2024

Prof. Ts. Dr. Faidz Abdul Rahman
Naib Presiden R&D dan Pengkomersilan
Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Sungai Long,
Bandar Sungai Long, Cheras,
43000 Kajang,
SELANGOR
Emel: info@klesf.net

Tuan,

MAKLUMBALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTAI PROGRAM KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF) THE FAIR AND 18TH MALAYSIA FESTIVAL OF THE MIND (MFotM) 2024

Dengan hormatnya surat tuan berkenaan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) melalui Unit Pembangunan Bakat Murid (UPBM) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas. Pihak JPNPP sentiasa mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.
3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNPP mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran **Program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) The Fair and 18th Malaysia Festival of the Mind (MFotM) 2024** mulai **8 hingga 10 November 2024 sahaja**. Walau bagaimanapun, pihak JPNPP ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut;

- 3.1 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua / guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.2 mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.6 penyertaan murid/ guru **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah;

MAKLUMBALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTAI PROGRAM KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF) THE FAIR and 18TH MALAYSIA FESTIVAL OF THE MIND (MFotM) 2024

- 3.7 pihak penganjur hendaklah memberi maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid-murid yang terlibat;
- 3.8 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberi laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.9 guru/ guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke program atau aktiviti berkenaan. Penglibatan guru pada hari Sabtu yang dibenarkan ialah **hari Sabtu minggu kedua dan minggu keempat sahaja**. Tiada sebarang program aktiviti dan mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan pada Sabtu minggu pertama, minggu ketiga dan minggu kelima (merujuk Surat Siaran KPM Bil.2/2016);
- 3.10 pihak penganjur **bertanggungjawab mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya** terhadap aspek kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid bagi mengurangkan kompilasi akibat cuaca panas semasa melaksanakan aktiviti luar bilik darjah. (merujuk Surat Siaran KPM Bil.3/2023);
- 3.11 pihak penganjur diingatkan aktiviti luar bilik darjah boleh dilaksanakan dalam keadaan **suhu kurang daripada 35°C** tetapi dengan langkah kawalan dan tahap berjaga-jaga yang tinggi (merujuk Surat Siaran KPM Bil.3/2023);
- 3.12 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.13 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.14 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;(merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.15 **setelah menerima pengiktirafan program daripada BSKK, KPM, pihak penganjur perlu mengemukakan satu salinan surat pengiktirafan dan laporan program yang telah dijalankan (format seperti lampiran A) kepada UPBM, JPNPP;**
- 3.16 penggunaan logo JPNPP tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPNPP, **draft poster / gegantung / hebahan digital / sijil** berserta dokumen lengkap kepada **Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD, JPNPP selepas mendapatkan maklum balas / surat sokongan permohonan penganjuran program ini;**

MAKLUMBALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI MENYERTAI PROGRAM KUALA LUMPUR ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF) THE FAIR and 18TH MALAYSIA FESTIVAL OF THE MIND (MFotM) 2024

- 3.17 pihak penganjur dimohon tidak meletakkan sebarang maklumat berkaitan pengiktirafan markah kokurikulum dalam sebarang bahan edaran atau promosi sehingga menerima status pengiktirafan daripada pihak JPNPP.
- 3.18 pihak penganjur dimohon mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak UPBM, JPNPP atau melalui e-mel ke **ukk@jpnpp.edu.my** dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.19 JPNPP berhak menarik balik surat kebenaran penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur **gagal mematuhi** syarat dan peraturan yang ditetapkan atau **bercanggah** dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
4. Maklum balas penganjuran program ini hanya bagi **Universiti Tunku Abdul Rahman** yang akan menganjurkan **Program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) The Fair and 18th Malaysia Festival of the Mind (MFotM) 2024** mulai 8 hingga 10 November 2024. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak UPBM, JPNPP.
5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **En Mohamed Rusdan Bin Maidin** di talian **04-652 1194/1195 / 016-490 7714** atau e-mel ke **rusdan@jpnpp.edu.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PULAU PINANG PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMAD SAID BIN IBRAHIM)

Timbalan Pengarah,
Sektor Pembangunan Murid,
b.p. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.
No. Tel. : 04-6521194/1195
E-mel : ukk@jpnpp.edu.my

- s.k
1. Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid
 2. Pegawai Pendidikan Daerah Barat Daya, Timur Laut, Tengah, Selatan dan Utara

LAPORAN
(NAMA AKTIVITI)

1.0 Nama Program / Aktiviti

2.0 Tarikh Pelaksanaan

3.0 Mod Pelaksanaan

4.0 Penyertaan (jantina / bangsa)

BIL	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
			L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	MURID	GURU
1										
2										
3										
4										
5										
6										
7										
8										
9										
10										
JUMLAH										

5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti

6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang diturunkan (*jika berkaitan*)

7.0 Tetamu Kehormat (VIP) (*jika berkaitan*)

8.0 Pemenang (*jika berkaitan*)

9.0 Isu dan cabaran

10.0 Cadangan Penambahbaikan

11.0 Gambar

Disediakan Oleh:

Tarikh:

SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan tuan :
Rujukan kami :
Tarikh :

Pengarah,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang,
Jalan Bukit Gambir,
11700 Pulau Pinang.
U.P : Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum)

Tuan,

**SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN
PENGLIBATAN MURID DALAM _____**
(NAMA PROGRAM)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang bernombor rujukan _____ bertarikh _____ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak kami _____ mengesahkan
(nama agensi penganjur)
persetujuan terima untuk melaksanakan / menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan / tajaan program / aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.19 dalam surat maklum balas penganjuran program dan penglibatan murid dalam _____ yang akan diadakan mulai _____ hingga _____.
(nama program)
3. Pihak _____ akan mengemukakan **satu salinan laporan program**
(nama agensi penganjur)
yang telah dilaksanakan kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang **tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program**. Pihak kami akur, sekiranya kegagalan untuk menghantar surat permohonan pengiktirafan dan sesalinan laporan program akan menjejaskan pengiktirafan markah untuk pengumpulan markah PAJSK murid – murid yang terlibat.
4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi _____ di talian _____ atau secara emel
(nama pegawai / pengendali program) (nombor telefon bimbit)
ke _____
(alamat emel)

Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....
(Nama)
(Jawatan)